




KENANGAN... Bergambar kenangan, para peserta seminar dan kakitangan kolej kediaman serta unit perumahan yang hadir dalam seminar kelmarin.



MESRA... Lee beramah mesra bersama pelajar UMS sebelum sesi lawatan ke pameran mini.



UCAPTAMA... Lee menyampaikan ucapan semasa seminar kelmarin.

Lam Thye: Audit keselamatan penting jamin keselamatan penghuni kolej kediaman

NST 1-5. 2019 5

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Audit keselamatan khususnya di kolej kediaman di institusi pengajian tinggi wajar diberi perhatian dan dilaksanakan dengan efisien bagi mengurangkan risiko ancaman sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diingini.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata audit keselamatan itu adalah satu langkah yang perlu diwajibkan khasnya untuk kolej kediaman yang berusia lebih daripada 10 tahun.

Katanya, audit keselamatan yang memfokuskan kepada pembudayaan dalam aspek penyelenggaraan adalah penting demi memastikan keselamatan penghuni di kolej kediaman terjamin.

"Masih belum ada kajian khas berkenaan tahap keselamatan di kolej-kolej kediaman seluruh negara dan hal ini dirasakan perlu untuk dilaksanakan kerana audit keselamatan di kolej-kolej kediaman mampu memberi

penilaian lebih mendalam dan kelemahan yang dikesan dapat dibaiki," katanya ketika hadir dalam Seminar Keselamatan dan Kesihatan di Kolej Kediaman Universiti Malaysia Sabah di sini kelmarin.

Menurutnya, pelbagai kelemahan yang biasa dikenalpasti dan mampu mengundang masalah sekiranya berlaku musibah di kolej kediaman adalah seperti kurangnya Pelan Tindakan Kecemasan (ERP).

"Terdahulu, beberapa kajian yang melihat kepada aspek ini di kolej kediaman telah mendapati bahawa kelemahan utama adalah kerananya kurangnya penekanan dalam aspek ERP, pintu rintangan api, alat pemadam api tidak mencukupi dan papan tunjuk arah keluar yang tidak jelas.

"Lebih parah, ada juga kolej kediaman yang tidak menitikberatkan tentang keperluan latihan kebakaran atau 'fire drill'," katanya.

Lee turut menegaskan tentang tahap kesedaran penghuni kolej kediaman yang masih berada di tahap rendah yang menjadi punca kepada sikap sambil lewa dalam aspek

keselamatan dan kesihatan.

Katanya, kajian audit yang pernah diterbitkan di dalam Jurnal Kesihatan Komuniti 2011 memperlihatkan tentang keperluan melaksanakan audit keselamatan dan kesihatan bertepatan dengan standard piawaian yang ditetapkan.

Lee turut menjelaskan bahawa keperluan tersebut perlu diberi perhatian khusus dan turut mencadangkan agar kolej-kolej kediaman yang berusia agar menjalani audit sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh dua tahun.

"Kita mahu tekankan kepentingan untuk penghuni di kolej kediaman yang terdiri daripada pelajar-pelajar dan pihak pengurusan kolej, tentang perlunya penelitian untuk audit keselamatan kerana kita sedar, elemen asas untuk membentuk persekitaran yang selamat itu adalah lahir daripada asas yang dipupuk dalam diri para penghuni kolej bermula dari saat ini," jelasnya lagi ketika ditemui pemberita dalam sidang media selepas majlis tersebut.

Tambahnya lagi, NIOSH menyokong

penuh hasrat Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti UMS dalam usaha untuk mendapatkan Pensijilan ISO45001:2018 kerana ia dilihat sebagai langkah proaktif yang sewajarnya dicontohi oleh IPT lain.

"IPT dan kolej kediaman amat mendapat perhatian dalam amalan keselamatan dan kesihatan kerana kawasan persekitaran ini adalah dihuni oleh pelajar secara 24 jam," ujar beliau lagi.

Semasa majlis tersebut, Lee turut menzahirkan ucapan tahniah kepada UMS kerana berjaya melancarkan E-Book Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerja hasil usaha keras Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerja universiti itu.

Lee turut melawat pameran mini bertemakan keselamatan dan kesihatan yang diadakan kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Dr. Ismail Ali dan Pengarah Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMS, Prof. Dr. Khamisah Awang Lukman.